

24 SEP 1998

NITC-LAPORAN PENGGAL/I

NITC KEMUKAKAN LAPORAN PENGGAL PERTAMA

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) hari ini mengemukakan Laporan Penggal Pertama dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Dalam laporan itu, Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia perlu mengubahsuai dan mengambil kesempatan daripada kemajuan luar biasa dalam teknologi maklumat kerana strategi perindustrian negara sahaja tidak dapat membantu mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

"Kebangkitan dalam teknologi hubungan dan maklumat mengubah cara di mana perniagaan dilakukan dan industri bertindak. Kita perlu mengubahsuai dan mengambil peluang daripada kemajuan luar biasa ini," tambah Mahathir.

Lebuhraya Maklumat, katanya, beredar di sekeliling dunia bagi membolehkan semua jenis hubungan dan urusaniaga dijalankan di mana ia adalah suatu perkara yang mustahil sebelum ini.

Sebagai contoh, aliran masuk dana yang besar boleh berlaku dalam tempoh beberapa saat, merentasi sempadan dan tanpa mengambil kira kadar pertukaran serta halangan kawal selia lain.

Perkara ini, seperti yang dilihat di Asia, boleh mempunyai alunan besar-besaran ke atas ekonomi negara dan serantau.

Daya saing antarabangsa juga ditingkatkan kerana syarikat dan usahawan menggunakan Internet untuk mencapai pasaran global yang besar serta menghubungkan secara terus dengan pembekal, pengeluar, penegdar, menjimatkan masa dan ruang.

Rangkaian berkaitan elektronik bagi syarikat kecil dan besar boleh membawa masuk modal, teknologi baru dan canggih ke dalam negara serta membolehkan usahawan Malaysia memajukan produk dan perkhidmatan bertaraf dunia.

Mahathir berkata Malaysia melihat semua perkara itu sebagai satu peluang untuk terus mara ke hadapan dengan segera.

"Kita tidak boleh hanya terus memerhatikan kemajuan orang lain serta teknologi orang lain. Kita mesti mencari jalan untuk berada di barisan hadapan dalam kemajuan dunia.

"IT akan menyediakan kepada kita landasan untuk bergerak. IT akan memberi kuasa kepada rakyat Malaysia agar mereka boleh bersaing dengan dunia maju dan sekaligus membaiki kualiti hidup mereka," tambahnya.

Justeru, terdapat keperluan untuk mewujudkan pemahaman jelas revolusi maklumat dan bagaimana ia boleh membaiki kualiti kehidupan. Dan ia membawa kepada pembentukan NITC pada 1994.

Dr Mahathir berkata isu-isu penting yang perlu dipertimbangkan oleh NITC bagi tempoh beberapa tahun yang akan datang adalah peranan kerajaan dan sektor swasta serta sukarela, keperluan untuk memastikan akses sejagat kepada maklumat, pembangunan teknologi dan cara-cara untuk memudahkan perdagangan elektronik.

-- BERNAMA

SHO ZK MA